

Headline	MTEM anggap tindakan tidak adil		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	26	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	284 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,321



Isu gugur 33 syarikat perabot Bumiputera

MTEM anggap tindakan tidak adil

Kementerian Kewangan diminta pertimbang semula keputusan

Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) memohon Kementerian Kewangan (MOF) menimbang semula keputusan menggugurkan 33 syarikat perabot Bumiputera daripada senarai syarikat

rikat Kontrak Panel Berpusat (KPB) baru-baru ini.

Dalam kenyataan semalam, MTEM berkata, tindakan itu dilihat tidak adil kepada syarikat terbabit, yang bernaung di bawah Persatuan Pengusaha Industri Perabot Bumiputera Malaysia (PETRA).

Katanya, pengguguran itu diketahui melalui kemas kini senarai syarikat panel KPB bagi bekalan dan penghantaran perabot pelbagai jenis kepada semua agensi kerajaan di Semenanjung Malaysia.

"Sebanyak 33 syarikat atau 38 peratus daripada 87 syarikat tersenarai di bawah pembekalan pe-

Pengguguran oleh pihak Perolehan MOF tidak langsung mengambil kira alasan, status pengujiannya serta pihak bersalah dalam konteks ini, tetapi mengambil jalan mudah dengan terus menggugurkan 33 syarikat ini.

Kenyataan MTEM

rabot bagi agensi kerajaan digugurkan daripada senarai berkenaan berkuat kuasa 15 Julai 2019.

Pengguguran ini dibuat berikutan kegagalan syarikat KPB memperoleh persijilan Sijil Perkhidmatan Produk (PCS) dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dalam tempoh masa yang ditetapkan.

"Pengguguran oleh pihak Perolehan MOF ini tidak langsung mengambil kira alasan, status pengujiannya serta pihak yang bersalah dalam konteks ini, tetapi mengambil jalan mudah dengan terus menggugurkan 33 syarikat ini hanya kerana tidak memperoleh sijil PCS sebelum 28 Jun 2019," katanya.

Menurut MTEM, pengguguran ini bersifat zalim kerana tempoh pengujian serta jangka masa perolehan sijil PCS adalah di luar kawalan syarikat, sedangkan syarikat ini sudah mematuhi semua proses dan dalam tempoh masa yang sudah ditetapkan oleh FRIM.

Katanya, semua syarikat yang digugurkan ini mempunyai kilang pembuatan perabot yang sudah beroperasi melebihi 20 tahun, dengan pengalaman luas serta pencapaian dan pengiktirafan yang sudah diperolehi, namun gagal memperoleh sijil PCS sebelum tarikh yang ditetapkan.

BERNAMA